

PTPTN tawar hadiah RM88,888

Untuk 88 pemenang
menerusi Gong Xi Ang
Pow SSPN 2021

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menawarkan hadiah angpau lumayan berupa wang tunai berjumlah lebih RM88,888 untuk 88 pemenang menerusi kempen Gong Xi Ang Pow Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) 2021.

Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, kempen bertemakan 'Gong Xi Save & Safe' itu dianjurkan sempena perayaan Tahun Ba-

haru Cina yang akan disambut pada Jumaat ini.

Menurutnya, tema itu dipilih sebagai simbol keprihatinan PTPTN agar rakyat Malaysia sentiasa mengutamakan simpanan demi masa depan, selain mengamalkan penjagaan kesihatan diri dan keluarga dalam menghadapi cabaran Covid-19.

"Kempen ini terbuka kepada semua pendeposit SSPN iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus. Hadiah utama adalah wang tunai berjumlah RM8,888. Tempoh promosi kempen selama sebulan bermula 8 Februari 2021 hingga 8 Mac 2021.

"Cara menyertai kempen ini sangat mudah iaitu dengan simpanan bersih serendah RM100 dalam tempoh kempen, pendeposit akan layak

mendapat satu cabutan," katanya ketika merasmikan pelancaran kempen tersebut secara langsung di Facebook PTPTN Official pada Isnin.

Wan Saiful berkata, pendeposit SSPN yang menyertai kempen itu bukan sahaja berpeluang memenangi hadiah lumayan, malah akan menikmati pelbagai keistimewaan SSPN seperti pemberian dividen kompetitif, perlindungan takaful dan pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun.

Sementara itu, Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid meminta ibu bapa yang masih belum membuka akaun SSPN agar membuat peluang untuk berbuat demikian.

"SSPN boleh dibuka untuk anak-anak seawal usia sehari. Bagi yang telah menyimpan, teruskan menyimpan. Anda adalah 'superhero' kepada anak-anak.



Kempen Gong Xi Ang Pow SSPN 2021 yang bermula 8 Februari hingga 8 Mac 2021 dilancarkan menerusi Facebook Live pada Isnin.

"Sedikit pelaburan anda tetapi sangat besar maknanya kepada mereka. Buka akaun atau tambah deposit dalam tempoh promosi dan anda secara automatik layak menyertai cabutan ini," katanya.

Beliau berharap kempen itu akan mendapat sambutan menggalakkan sekali gus me-

meriahkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina dalam suasana perpaduan dan masyarakat majmuk di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen Gong Xi Ang Pow SSPN 2021, orang ramai boleh melayari portal www.lovespnn.com.